

SMK Labuan Juara Keseluruhan Ping Pong



SMK Labuan muncul johan keseluruhan Kejohanan Ping Pong Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan (MSSWPL) buat kali keempat berturut-turut.

Pada kejohanan yang berlangsung di Dewan SJK (C) Chi Wen, Sabtu lalu menyaksikan SMK Labuan meraih 3 pingat emas, 1 perak dan 2 gangsa.

Tiga pingat emas itu diperoleh menerusi pemain perseorangan perempuan, Coco Lee, beregu perempuan, Coco Lee dan Alicia Teo serta beregu lelaki, Delwyn Nathaniel dan Billy Goh.

Alvin Sim mendapat pingat perak menerusi acara perseorangan lelaki manakala dua pingat gangsa diperoleh menerusi pemain perseorangan perempuan dan lelaki, Alicia Teo dan Billy Goh.

Pengetua SMK Labuan, Ismail Abdullah mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemain atas kejayaan cemerlang skuad SMK Labuan yang berjaya mengekalkan kejuaraan buat

kali keempat berturut-turut.

Katanya, kejayaan tersebut adalah hasil kerja keras pemain yang dibimbang dua jurulatih, Afandi Yahya dan Ustaz Mohd Sharafuddin Iliah.

Ucapan terima kasih juga Ismail tujukan kepada pengurus pasukan, Hasriah Sidik yang berjaya mengendalikan pasukan ping pong tersebut pada tahun ini.

“Sudah tentu kejayaan itu akan menyemarakkan lagi semangat bukan sahaja pemain ping pong tetapi juga kepada semua pelajar yang bakal menyarung jersi SMK Labuan di bidang kurikulum dan akademik pada tahun ini,” katanya.

Sebanyak 12 sekolah menengah menyertai kejohanan tersebut pada tahun ini.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengetua SM St Anne, Chan Kwi Fong dan Guru Besar SJKC Chi Wen, Julius Voon selaku penganjur Kejohanan Ping Pong MSSWPL 2017.

Sumber : Utusan Borneo 28 Februari 2017